

RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

# IPRATROPIUM BROMIDE



SINGHEALTH / PIL / M107R0



## MENGENAI ubat anda

Doktor anda telah mempreskripsi anda Ipratropium bromida. Ubat ini boleh didapati dalam dua bentuk – alat penyedut dan larutan inhalasi.

Ipratropium adalah ubat dalam kelas ubat yang dikenali sebagai anti-kolinergik. Ubat ini membuka saluran pernafasan serta memudahkan pengaliran udara memasuki dan keluar dari paru-paru.

Ipratropium digunakan dalam penyakit pulmonari obstruktif kronik (COPD) seperti bronkitis & emfisema (kerosakan beg-beg udara kecil di dalam paru-paru yang diperlukan untuk penukaran udara). Ubat ini boleh digunakan dengan kombinasi dengan alat penyedut salbutamol dalam rawatan asma, bergantung kepada keadaan anda.

## BAGAIMANAKAH saya menggunakan ubat ini?

Doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu bergantung kepada keadaan anda. Guna ubat ini berdasarkan dos yang dipreskripsi oleh doktor anda.

### Alat penyedut:

Alat penyedut biasanya digunakan tiap-tiap hari. Dos biasa adalah 2 sedutan tiga hingga empat kali sehari. Jangan menggunakan lebih daripada dos dan kekerapan yang dicadangkan kecuali diarahkan sebaliknya oleh doktor anda. Jika anda menggunakan lebih daripada satu sedutan, pastikan sedutan yang berikutnya diguna satu minit selepas sedutan pertama. Pastikan anda mengaktifkan alat penyedut apabila anda mula menggunakan alat penyedut yang baru. Beberapa sedutan yang terakhir untuk alat penyedut biasanya tidak mengandungi sebarang ubat.

### Larutan inhalasi

Larutan inhalasi ipratropium disedut masuk ke dalam saluran pernafasan dengan menggunakan alat nebulizer, sejenis peralatan yang memecahkan larutan inhalasi kepada titisan-titisan kecil supaya ubat boleh disedut ke dalam paru-paru melalui topeng pernafasan. Inhalasi boleh diberikan bersama-sama dengan larutan inhalasi salbutamol sama ada secara berselang-seling tiga hingga empat kali sehari atau berterusan sepanjang hari, bergantung kepada keadaan anda.

*Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak  
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi*

## Apakah yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, guna dos tersebut sebaik sahaja anda ingati. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau menggunakan dos berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa.

## Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN ubat ini?

Anda mungkin mengalami kesan-kesan sampingan yang berikut:

**Gastrousus:** Mual, perut kurang selesa

**Pernafasan:** batuk

**Kardiovaskular:** Denyutan jantung yang lebih cepat daripada yang biasa

**Sistem Saraf:** Pening, letih, sakit kepala, rasa gelisah

Kebanyakan kesan sampingan ini adalah berjangka pendek. Namun, jika terdapatnya sebarang kesan sampingan yang menyusahkan anda selepas beberapa ketika, anda patut memberitahu doktor anda.

## Apakah TINDAKAN BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Anda perlu mengambil perhatian supaya larutan inhalasi atau titisan ubat tidak memasuki mata kerana ini mungkin menyebabkan glaukoma (tekanan tinggi dalam mata) dan masalah-masalah mata yang lain.

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika

- anda mempunyai penyakit-penyakit lain, terutamanya glaukoma, masalah air kencing tersumbat, hipertrofi prostat tak berbahaya atau sistic fibrosis.
- anda sedang mengambil sesetengah ubat yang lain, sediaan-sediaan jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.
- anda mengalami alahan terhadap sebarang ubat, atau alahan semasa pengambilan ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada satu yang berikut: kebengkakan muka/mata/bibir mulut, susah bernafas atau ruam kegatalan kulit yang merebak. Sesetengah orang mungkin mengalami alahan terhadap bahan pengawet benzalkonium klorida atau bahan penstabil ethylene diamine tetra-acetic acid (EDTA).
- anda sedang menyusui anak, hamil atau mungkin hamil semasa khusus rawatan.

## Bagaimanakah patut saya SIMPAN ubat?

Simpan ubat di tempat yang kering pada suhu bilik, jauh dari haba dan cahaya matahari langsung. Jangan simpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan berbuat demikian.